

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Sunday, March 17, 2019 10:40 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: SAPSP Rai Pelajar Cemerlang



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

17 MAC 2019 / 10 REJAB 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: SAPSP

SAPSP RAI PELAJAR CEMERLANG



UUM ONLINE: Seramai 130 pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Kaunseling dan 87 pelajar dari program Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Kerja Sosial yang memperoleh keputusan cemerlang pada semester A181 lalu diraikan pada Majlis Bersama Dekan dan Anugerah Dekan Sesi 2018/2019 (A181) baru-baru ini.

Majlis yang diadakan di Dewan Kuliah Gugusan (DKG) 1/1 ini telah disempurnakan oleh Dekan Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial (SAPSP), Dr. Abdul Razak Abd Manaf.

Beliau dalam ucapannya berharap semua pelajar SAPSP dapat menjadi pelajar yang holistik, berilmu dan berakhlak.

"Selain pencapaian akademik cemerlang, pelajar juga perlu mempunyai kemahiran insaniah yang tinggi termasuk kemahiran komunikasi, kemahiran kepimpinan, kerja berpasukan, pemikiran kritis, dan keusahawanan selari dengan kehendak pihak majikan hari ini yang mahukan pekerja memiliki pelbagai kemahiran tanpa perlu memberi latihan dalam perkhidmatan (*in-house training*)," tegasnya

Di samping mengucapkan tahniah kepada semua 221 pelajar yang menerima anugerah, beliau juga berharap penganugerahan ini akan menjadi motivasi kepada penerima dan pelajar yang lain untuk berusaha lebih gigih untuk pencapaian yang lebih cemerlang.

Turut diraikan adalah empat (4) orang pelajar mobiliti SAPSP yang mengikuti program mobiliti *outbound* di Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada tahun lalu yang telah menerima Sijil Anugerah Dekan dari UMS.

Majlis ini turut dihadiri oleh semua pensyarah dan warga SAPSP.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.